

## **USKUP AGUNG KOTA KINABALU**

Kepada semua umat beriman di Keuskupan Agung Kota Kinabalu,

## KAAMATAN PADA WAKTU PANDEMIK

Saya merasa sedih menulis surat kepada anda semasa wabak ini kerana Covid-19 telah memisahkan saya secara peribadi dari anda semua, terutama apabila perayaan Kaamatan hampir tiba. Biasanya pada bulan Mei, kita sebagai warga Sabah suka berkumpul dan beramai-ramai, sambil bersukacita dan ketawa, meraikan hasil tuaian kita melalui lagu-lagu dan tarian, dan terutama sekali dalam Ekaristi. Semua ini adalah sebahagian daripada identiti kita sebagai Gereja Tempatan kerana inti Gereja adalah persekutuan.

Pandemik Covid-19 telah membekukan persekutuan ini. Malah liturgi kita dirayakan disiarkan dan ditonton secara tertutup tanpa komuni sakramen tetapi hanya komuni spiritual. Saya turut bersimpati dengan anda yang merindui akan Roti Kehidupan. Namun, sebagai rakyat yang bertanggung jawab, kita rela mematuhi PKP untuk memutuskan rantaian jangkitan virus. Selain berdiam di rumah untuk kebaikan bersama, kita masih mampu menegakkan semangat solidariti dengan seluruh dunia. Maka atas sebab inilah perayaan Kaamatan Keuskupan Agung tahun 2020 dibatalkan.

Tema Kaamatan yang telah dipilih adalah "Menghidupi keaslian budaya di dalam keluarga untuk meneruskan Misi Kristus". Tema ini bererti untuk meneruskan misi Kristus, keluarga dipanggil untuk menghidupi budaya yang tidak dicemari. Saya ingin mengongsikan renungan saya mengenai perkara ini.

Pertama, apakah misi Kristus? MisiNya adalah untuk menyelamatkan dunia dari virus yang disebut dosa. Dosa telah mengganggu keindahan ciptaan di mana pada awalnya "semuanya baik" (*ruj*. Kej. 1). Akibat dosa, manusia memberontak dan memilih "untuk bersembunyi" (*ruj*. Kej. 3). Dosa mendorong manusia untuk memilih kegelapan daripada terang. Martabatnya yang berasal dari rupa dan gambar Allah telah diputarbelitkan. Hari ini kita melihat gambaran akibat dosa itu.

Sekiranya budaya didefinisikan sebagai 'akal, adat istiadat, sikap dan tingkah laku sosial masyarakat atau bangsa tertentu', maka kita boleh mengatakan bahawa sejak kejatuhan manusia pertama, budaya manusia telah dicemari oleh dosa kerana

manusia tidak lagi dapat berelasi secara tepat. Kain tidak tahan melihat kebaikan Abel. Dalam Perjanjian Lama, cemburu, pentingkan diri dan dendam telah merosakkan hubungan antara manusia. Misi Kristus adalah untuk memulihkan manusia serta budayanya untuk kembali kepada asal, di mana pada permulaan semuanya "amat baik".

Untuk meneruskan misi Kristus, kata kuncinya adalah KASIH. Hanya kasih dapat mengalahkan dosa dan memurnikan budaya manusia. Benedik XVI dalam ensikliknya "Deus caritas est" (Allah adalah kasih) membezakan "agape" dari "eros". Agape adalah kasih yang bersifat korban sementara eros adalah kasih yang egois. Untuk beralih dari eros ke agape, kita harus terlebih dahulu mengenali dan mengakui bahawa Allah yang kita sembah itu adalah KASIH (*ruj*. 1 Yoh. 4: 7-21). Dialah yang terdahulunya mengasihi walaupun kita berada dalam dosa. Sekiranya Dia mengasihi kita tanpa syarat, seterusnya kita juga harus mengasihi orang lain tanpa syarat, tidak kira darjat dan pangkat.

Memandangkan Kaamatan kian menghampiri, marilah kita mencari waktu untuk meneliti "keaslian budaya" ini. Adakah kita saling memberi masa di rumah? Adakah kita bercakap dan mendengar dengan kasih? Apakah jenis kasih itu? Adakah kita membenarkan teknologi media menggantikan sentuhan peribadi kita? Adakah akal, sikap, adat istiadat dan tingkah laku sosial kita di rumah dan masyarakat didorong oleh agape atau eros?

Sememangnya, wabak ini telah menimbulkan ketakutan dan penderitaan dalam keluarga. Tetapi banyak juga yang melihatnya sebagai *berkat dalam penyamaran*, terutama dalam memulihkan hubungan yang benar dengan Tuhan, dengan sesama dalam keluarga, dan alam semulajadi. Walaupun dengan leluasanya Covid-19 memberi peluang untuk duduk diam di rumah, kita haruslah secara proaktif memanfaatkan waktu tersebut untuk memurnikan budaya keluarga kita. Kita tidak tahu sampai bila pandemik ini akan berakhir tetapi kesan buruknya terhadap kehidupan pasti akan dirasakan secara sosial dan ekonomi. Oleh itu, selagi ikatan kekeluargaan kita didasarkan pada kasih agape, kita tidak akan berasa bimbang kerana kita mempunyai kekuatan dan sokongan untuk menangani masa depan. Sekiranya kita dapat menjadikan ini sebagai resolusi kita, maka Kaamatan tahun ini akan memberi kesan yang lebih mendalam terhadap budaya kita.

Semoga Bonda Maria berdoa untuk kesejahteraan kita dan untuk barisan hadapan yang mempertaruhkan nyawa mereka untuk menjaga mangsa Covid-19.

Kotobian Tadau Tagazo do Kaamatan!

Uskup Agung John Wong